

BH, 7/3/17

Inilah masanya: SuperKIP

➔ Pelumba PETRONAS Sprinta Racing tak sabar mulakan musim baharu di Losail hujung minggu ini

Oleh Sukhairi Thani
shukairi@nstp.com.my

► Sepang

Khairul Idham Pawi sudah bersedia mengharungi pusingan pertama Kejua-raan Motosikal Dunia dalam kelas Moto2 di Grand Prix (GP) Qatar, hujung minggu ini.

Pelumba PETRONAS Sprinta Racing itu bakal memasuki tahun ketiganya dalam saingan kelas pertengahan berkenaan yang kini menggunakan enjin Triumph 765cc.

"Akhirnya permulaan bagi musim baharu sudah tiba," kata Khairul Idham yang pernah memenangi perlumbaan Moto3 di GP Argentina dan Jerman pada tahun 2016.

"Ini adalah masa yang dinanti-nantikan sejak ujian pertama bersama PETRONAS Sprinta Racing pada November lalu.


Terima kasih pasukan

"Kami melalui pramusim yang baik dan sekarang adalah masanya untuk beraksi. Kami masih mempunyai banyak

perkara yang perlu dipertingkatkan dan kami berpotensi bagi melakukan sesuatu yang lebih baik.

"Namun, saya mahu berterima kasih kepada pasukan atas semua usaha gigih yang dilakukan dan peningkatan dicapai setakat ini. Sekarang adalah masanya untuk memikirkan mengenai perlumbaan dan mengharunginya."

Pada musim lalu, Khairul Idham atau dikenali sebagai SuperKIP menamatkan perlumbaan di Sirkit Antarbangsa Losail di tempat ke-23 dan ke-28 pada penampilan pertamanya dalam kelas pertengahan sebelum itu.



Info

Nama: Khairul Idham Pawi

Umur: 20 September 1998 (20 tahun)

Grand Prix pertama: Aragon 2015 (Moto3)

Kemenangan: 2 kali (Moto3)

Podium: 2 kali (Moto3)

Karier perlumbaan:

→ 2018 - Moto2 (ke-30, 1 mata)

→ 2017 - Moto2 (ke-27, 10 mata)

→ 2016 - Moto3 (ke-19, 65 mata)

→ 2015 - Kejuaaan Remaja Moto3 Dunia (ke-6, 99 mata)

→ 2014 - Asia Dream Cup (juara)

→ 2014 - Cub Prix

Malaysia (juara)